

# SAMUDERA



***Hadiah Utama*** CoRIC  
2016 Milik UMT

***Misi Kemanusiaan***  
di Bumi Kemboja

Haslan ***Bangga*** ***Ceburi***  
Industri Maritim

# Sidang Redaksi

## PENAUNG

Naib Canselor UMT  
YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar

## PENASIHAT

Pengarah Penerbit UMT  
YH Dato' Prof. Madya Dr. Noraïen Mansor

## EDITOR PENGURUSAN

Rabil Sitta Abdul Rahman

## KETUA PENGARANG

Nurul Hidayah Nor Azam

## TIMBALAN KETUA PENGARANG

Ahmad Arief Ahmad Azriff

## PEMBACA PRUF

Nurul Jazlina Mohd Sakhaf

## PEREKA

Muhammad Adli Hashim

## JURUFOTO

Khairil Ammirol Tan Tan See King @  
Muhammad Asmadi Tan

## WARTAWAN

Ahmad Arief Ahmad Azriff  
Ahmad Haziq Ferdaus Ahmad Nasaruddin  
Amalina Sapireh  
Anis Athirah binti Mohd Aziz  
Elfina Azwar  
Liew Rock Keey  
Fatin Nadzirah  
Hanani Yusof  
Kelab SOHOR  
Nurul Syaheera Din  
Kelab UNESCO UMT  
Muhammad Izzat Faiz Mohd Derafi  
Nabila Huda Mohd Zulkamal  
Noor Saadia Azizan  
Nur Afiqah Zamia Sumeri  
Siti Adibah Embong  
Wan Nor Ahmad Syaifuddin Wan Norazmi

Hak Cipta Terpelihara © 2017. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.

## Tinta Ketua Pengarang

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera Salam UMT Cita Warisan,

Alhamdulillah, sudah satu semester berlalu, saya selaku wakil pelajar yang baharu berasa amat berbesar hati untuk mengetuai *team Samudera UMT* sesi Mac kali ini. Terima Kasih atas tunjuk ajar Penerbit UMT kerana memberi kepercayaan kepada saya dan membantu sidang redaksi *Samudera UMT* menyiapkan Majalah *Samudera*. Sebagai Exco Publisiti dan Penerbitan sesi 2016/2017 saya akan berusaha untuk menambah baik dalam penyampaian informasi penting kepada pelajar UMT dengan menggunakan medium seperti *Facebook*, *WhatsApp*, *Instagram* dan *Twitter*. Dengan kemajuan teknologi yang telah sedia ada, saya pasti pelajar mudah menerima info dengan cepat dan pantas.

Selain itu, sekalung tahniah diucapkan kepada pelajar yang telah bergraduat pada November 2016. Tahniah kerana anda telah menjadi Alumni UMT. Sesungguhnya jejak langkah anda bakal dicontohi oleh pelajar UMT.

*Tak kenal maka tak cinta*, Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2016/2017 Universiti Malaysia Terengganu ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pelajar UMT kerana telah memilih kami sebagai wakil pelajar yang anda percaya. Pada sesi kali ini, seramai 24 orang wakil pelajar baharu akan membawa satu visi iaitu; **Memartabat Mahasiswa UMT di Arena Semasa**. Dengan sokongan anda, akan kami bawa satu perubahan dalam tampuk kepimpinan sesi kali ini.

Sidang redaksi *Samudera* juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu kepada semua warga UMT. Semoga tahun 2017 menjadi tahun yang lebih baik buat kita semua. Insya-Allah.

*Nurul Hidayah Nor Azam*  
Ketua Pengarang

# KANDUNGAN



4

**GreenTech Pyrolyzer**  
Raih Hadiah Utama CoRIC 2016

6

**Jelajah Universiti Awam**

9

*Liqo Nisa'*

10

**Muhamad Haslan Bangga**  
Ceburi Industri Martim

12

**Kembara Darul Makmur**  
Ukhuwah Terjalin Cinta Tanpa Nokhtah

14

**Rahsia Kejayaan**  
Atlet Rowing UMT

16

**Battle of The Baskers**  
Cungkil Bakat Seni Mahasiswa UMT

17

**Jom**  
Masuk Kelab!

18

**Power of Volunteers**  
Hulur Bantuan Tanpa Sempadan

20

**Kelab Penyayang UMT**  
Pupuk Sikap Prihatin

22

**Kelab Pembimbing Mahasiswa UMT**  
Bentuk Kesejahteraan Emosi dan Mental Pelajar

24

**Platform Mantapkan**  
Kemahiran Komunikasi Bersama DeMI

26

**Pasukan Woodball Banggakan UMT**

28

**Kata-kata Hikmah**



# GreenTech Pyrolyzer

## Raih Hadiah Utama CoRIC 2016

oleh: Elfina Azwar dan Liew Rock Keey  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan

Penyertaan Elfina Azwar dan Amir Haqim Shahidin, pelajar program pengajian Sarjana Muda Teknologi (Alam Sekitar) dalam pertandingan *Community Research & Innovation Competition 2016 (CoRIC)* berjaya menarik perhatian juri. Dengan mempertaruhkan “*Greentech Pyrolyzer towards Green Environment*”, telah berjaya dinobatkan sebagai Projek Terbaik

CoRIC 2016 dengan mengalahkan 14 projek penyelidikan lain. “*Greentech Pyrolyzer*” merupakan projek “*microwave pyrolysis*” untuk menghasilkan produk daripada sisa sabut kelapa yang dapat membantu masyarakat dalam mengurangkan masalah pelupusan sisa pertanian. Produk yang terhasil daripada “*Greentech Pyrolyzer*” ini diproses menggunakan teknologi pirolisis

di mana sisa kelapa diurai secara termal di dalam keadaan lengai.

Mereka turut mencatat satu lagi kemenangan dalam Novel *Research & Innovation 2016 (NRIC)* yang diadakan dalam sesi berasingan. Dalam NRIC, tajuk projek mereka, *Microwave Pyrolysis – How Can Microwave ‘Cook’ Coconut Waste to Make Char as Drinking Water Filter Material* berjaya meraih pingat



emas. Penyertaan ini dipilih ke CoRIC selepas disenarai pendek di peringkat UMT melalui INOVASI@UMT 2016, di mana produk ini telah menerima Anugerah Khas. Kejayaan pelajar-pelajar tersebut dalam CoRIC dan NRIC merupakan hasil bimbingan dan tunjuk ajar oleh pensyarah mereka, Dr. Lam Su Shiung. Pelbagai persiapan rapi dengan bantuan pelajar senior, Liew Rock Keey, merangkumi latihan penyelidikan, eksperimen, penulisan, serta perbincangan bagi memantapkan kaedah pembentangan yang sempurna. Kedua-dua projek tersebut saling berhubung kait antara satu sama lain. Secara umumnya, ia

memperincikan kajian pirolisis dengan menukarkan sistem pemanasan konvensional kepada sistem gelombang mikro untuk mendapatkan pemanasan secara efisien dan seragam. Produk yang lebih berkualiti dapat dihasilkan di mana ia mampu untuk dijadikan bahan penapis air serta meningkatkan lagi kualiti kebersihan air minuman. Di samping itu, kos sisa sabut kelapa ini adalah percuma kerana boleh didapati di persekitaran perumahan. Produk ini juga berpotensi untuk dijadikan sebagai bahan api dan baja untuk meningkatkan hasil tanaman.

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menghantar sebanyak

15 projek untuk NRIC dan dua projek dipertandingkan dalam CoRIC, anjuran Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Sains Malaysia (USM). Peserta-peserta NRIC terdiri daripada pelajar ijazah pertama tahun akhir IPTA dan IPTS. Penglibatan pelajar dalam aktiviti ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan mereka untuk menyempurnakan Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA) dan merupakan syarat untuk bergraduat. Kajian dan penemuan berkaitan pirolisis yang dihasilkan melalui yang dihasilkan oleh para pelajar ini turut dimuatnaik untuk diakses di laman sesawang, <http://pyrolysis-technology.com/>.



# Jelajah Universiti Awam

oleh: Nurul Syaheera Din  
Kelab UNESCO UMT

**K**elab UNESCO Universiti Malaysia Terengganu (UMTUC) telah julung kalinya mengadakan program Jelajah ke Universiti Awam yang dibahagikan kepada dua siri. Siri pertama yang bertemakan “*Victory Begins with Unity*” ke Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah diadakan pada 10-12 November 2016 yang lalu. Jelajah

ini mempunyai tujuannya yang tersendiri iaitu untuk mengadakan perbincangan dua hala yang progresif dalam mencapai kesepakatan dalam merancang program bersama pada masa akan datang sekali gus dapat mempromosikan kelab UMTUC itu sendiri. Jelajah UNESCO UMT (2.0) ini merupakan siri kedua dan merupakan jelajah lanjutan dari siri yang pertama yang membawa tujuan dan objektif yang

sama. Siri kedua jelajah ini telah berlangsung pada 1-3 Disember 2016 ke Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Siri jelajah pertama ini diketuai oleh Mohamad Radi Mohd Soberi ke tiga buah universiti iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Universiti awam pertama yang dilawati dalam siri jelajah pertama



Persidangan antara wakil penasihat dan ahli kelab UNESCO USIM bersama UMTUC.



Sesi perbincangan antara MPP UKM dan Kelab UMTUC.



Persidangan antara wakil penasihat dan ahli kelab UNESCO USIM bersama UMTUC.



Delegasi UNESCO UMT 2016 di Universiti Malaysia.



Persidangan antara penasihat dan ahli kelab UNESCO UUM bersama UMTUC.

ialah Universiti Malaya (UM) di Pusat Dialog Peradaban dan dihadiri oleh empat wakil UMUC yang terdiri daripada Penasihat Kelab iaitu Prof. Dr. Shakila Yacob, Presiden, Naib presiden dan ahli kelab itu sendiri. “*Focal Point*” yang amat sinonim dengan Universiti Malaya kerana universiti tertua di Malaysia serta universiti pertama yang menubuhkan Kelab UNESCO yang bermotokan; “Ilmu Punca Kemajuan” sebelum Universiti Awam yang lain. UMTUC meneruskan jelajah UA ke

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersama Majlis Perwakilan Pelajar yang dimenangi oleh kumpulan aspirasi. Perbincangan bersama UKM yang lebih memfokuskan ke arah isu semasa dan permasalahan yang sering berlaku di universiti. Siri pertama jelajah UMTUC ini diakhiri dengan lawatan ke Universiti Malaysia Pahang (UMP). Pertemuan bersama kelab UNESCO UMP ini diadakan di Pantai Leleh, Pahang yang berkonsepkan tenang dan santai. Dalam pertemuan ini,

pihak UMP sendiri berhasrat untuk menganjurkan program ke Pulau Bidong di mana pulau tersebut amat popular dengan penyelidikan dan kehidupan marin.

Siri jelajah kedua ke Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah diketuai oleh Muhammad Syafiq Zikry Muda. Kedah negeri jelapang padi menjadi negeri pertama yang dikunjungi dalam misi jelajah UMTUC bagi siri yang kedua. Kelab UNESCO Universiti Utara



*Kelab UMTUC merakam kenangan bersama MPP UKM.*

Malaysia (UUM) yang terletak di Negeri Jelapang Padi ini telah diketuai oleh Saudari Taqwa yang berasal dari Thailand. Unikunya kelab UNESCO UUM ini ialah keahliannya lebih kepada warga luar negara berbanding warganegara Malaysia sendiri yang amat kontra dengan kelab UNESCO Universiti Awam yang lain. Mereka mengadakan program yang lebih ke arah pembentukan kelab mereka sendiri memandangkan mereka masih baharu dalam kelab ini. Dari Utara, jelajah ini beralih pula ke Selatan iaitu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang terletak di Nilai, Negeri Sembilan yang lebih ke arah Sains Islam. Saudara Rizal Ahmad Zaini telah hadir sebagai wakil penasihat Kelab UNESCO USIM yang sebenarnya merupakan bekas presiden kelab



*Bergambar bersama wakil Kelab UNESCO UMP.*

tersebut pada sesi yang lepas. Pendedahan helah pencarian dana dikongsikan oleh pihak USIM yang sememangnya banyak memberi tunjuk ajar kepada pihak UMTUC.

Kedua-dua siri jelajah ini bertujuan untuk berkongsi pandangan serta pendapat dalam mencapai hasrat UNESCO itu sendiri yang bertemakan pendidikan, sosial, kebudayaan

serta menjamin keharmonian dan keamanan sejagat yang lebih baik. Pengumpulan dana, organisasi kelab, program serta cara untuk menarik minat pelajar supaya menyertai Kelab UNESCO turut menjadi isu utama dalam setiap perbincangan.



# *Liqo Nisa'*

oleh: Hanani Yusof

Perkataan “*Liqo*” bermaksud pertemuan dan “*Nisa*” membawa maksud wanita. Perkataan “*liqo*” mungkin agak asing bagi umat Islam itu sendiri tapi tidak kurang juga yang pernah mendengarnya namun belum pernah mengikutinya. Secara istilah “*liqo*” diertikan sebagai suatu pertemuan bagi mendengarkan nasihat ataupun pengajian ke arah membina keimanan individu Muslim.

*Liqo Nisa'* merupakan satu program khusus buat mahasiswi Universiti Malaysia Terengganu (UMT). *Liqo Nisa'* dianjurkan Sahabat Masjid (SAHAM) UMT untuk mencapai visi ke arah mewujudkan *biah* solehah dalam masyarakat kampus. Program berkala ini diuruskan oleh mahasiswi dari Kelab Sahabat Masjid yang bernaung di bawah Pusat Islam Sultan Mahmud UMT. Ia diadakan pada setiap hari Jumaat di bawah kelolaan Exco SAHAM iaitu Exco Hal Ehwal Siswi (HELWI) bertempat di Pusat Islam Sultan Mahmud (PISM) bermula seawal 10.30 pagi dan selesai sebelum solat Jumaat dilangsungkan. Program ini bertujuan membina rohani yang utuh dalam diri mahasiswi dalam

mendepani cabaran di kampus dan alam pekerjaan.

Program ini merupakan perbincangan mahasiswi yang berfokus kepada keperibadian seorang wanita, di samping tayangan video dan modul berkaitan yang turut dilaksanakan bagi mengeratkan ukhwh sesama mahasiswi UMT. Aktiviti *Liqo* dibuka dengan alunan *Asma ul-Husna* dan ditutup dengan bacaan doa *rabithah* yang dipimpin oleh mahasiswi. Para peserta juga akan menikmati jamuan ringan di hujung program ini.

Baru-baru ini, *Liqo Nisa' 2.0* telah dijalankan bertempat di Bilik Fardhu Ain 1, PISM dengan tajuk; “*Saudariku, berhiaslah dengan iffah*”. Topik kali ini mengupas berkenaan cara berhias seorang Muslimah sejati selari dengan kehendak Allah SWT. Islam membenarkan umatnya berhias tetapi terdapat beberapa panduan telah digariskan Allah SWT sebagaimana firman-NYA dalam Surah An-Nur ayat 31 yang bermaksud;

“*Katakanlah kepada wanita yang beriman: “Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan*

*perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak dari padanya. Dan hendaklah mereka menutupkan kain kudung kedadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putera-putera suami mereka, atau saudara-saudara lelaki mereka, atau putera-putera saudara lelaki mereka, atau putera-putera saudara perempuan mereka, atau wanita-wanita Islam, atau budak-budak yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan lelaki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. Dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung.”*

Betapa indahnya Islam sehinggakan tatacara berhias bagi seseorang Muslimah turut dibimbing dengan panduan wahyu agar wanita tidak tersalah langkah dalam mendepani dunia yang penuh dengan cabaran. Akhir kalam, diskusi ilmiah sebegini mampu mencelikkan hati para mahasiswi dan mencetuskan transformasi yang positif dalam diri mereka.

# Muhamad Haslan Bangga Ceburi Industri Maritim

oleh: Ahmad Haziq Ferdaus Ahmad Nasaruddin

Jejak alumni kali ini membawa anda untuk mengenali salah seorang alumni Universiti Malaysia Terengganu yang telah bergraduat pada tahun 2014. Beliau adalah Mohamad Haslan Abd Hamid anak jati kelahiran Kota Bharu, Kelantan dan sekarang telah memegang jawatan sebagai *Executive Vessel Planner* di perlabuhan Tanjung Pelepas.

Mohamad Haslan dilahirkan pada 14 November 1991 di Kota Bharu Kelantan. Beliau adalah anak yang ke empat daripada tujuh adik beradik. Bapanya bernama Abd Hamid Wahid dan ibunya bernama Zapiah Chik. Beliau dilahirkan daripada keluarga yang sederhana dan beliau mula mendapat pengajian di Sekolah Kebangsaan Langgar Kota Bharu Kelantan, kemudian menyambung di peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail Kota Bharu, Kelantan. Setelah tamat di peringkat menengah, beliau menyambung pelajarannya di sekolah yang sama sehingga Tingkatan Enam. Dengan semangat dan azam yang tinggi beliau telah telah



Haslan di samping ibu tersayang, Zapiah binti Chik yang meraikan kejayaannya sebagai graduan UMT.

melanjutkan pelajarannya di peringkat ijazah di Universiti Malaysia Terengganu.

Beliau mula menjejakkan kaki di UMT sejak tahun 2011 dan

mengambil jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maritim. Haslan menamatkan pelajarannya di peringkat ijazah pada tahun 2014. Berbekalkan keyakinan yang

tinggi, beliau memberanikan diri menceburi bidang industri maritim di Malaysia. Berasal daripada keluarga yang susah, bukanlah menjadi penghalang buat beliau untuk berjaya dalam hidup. Kata Haslan, "Saya nak ubah nasib keluarga dan bangga ibu dan ayah saya."

Abangnya seorang jurutera kapal menjadi idola dan pendorong untuk beliau menceburkan diri dalam sektor maritim. Bekerja sebagai *Executive Vessel Planner* bukanlah satu tugas yang mudah di sebuah perlabuhan yang besar dan antara salah satu perlabuhan yang tersibuk di Malaysia. Beliau sentiasa berurusan dengan kapal pakal yang berlabuh di perlabuhan itu. Beliau perlu merancang kedudukan kargo yang akan berada di dalam sesebuah kapal mengikut berat dan jenis kargo.

Prinsip beliau, sentiasa ikhlaskan diri dan meminta bantuan dari Allah SWT menjadi amalan beliau semasa bekerja.

Bekerja jauh dari kampung halaman bukanlah satu alasan untuk melupakan ibu dan ayah. Setiap hari sebelum ke tempat kerja, beliau akan memanfaatkan sedikit masa untuk menelefon ibu dan ayahnya. Kata beliau, mereka adalah segala-galanya di dunia dan tiada ganti bagi mereka. Jika ada masa cuti pastinya beliau akan balik ke Kota Bharu untuk meluangkan masa dengan kuarga tercinta.

Semasa berada di UMT beliau sangat aktif dengan sukan terutamanya sukan bola sepak. Namanya begitu sinonim dalam kalangan pemain bola sepak di UMT. Beliau pernah mewakili UMT di peringkat MASUM dalam

pertandingan bola sepak pantai dan membawa pulang tempat yang ketiga. Walaupun aktif dalam sukan tetapi beliau tidak pernah mengabaikan pelajarannya. Jelas beliau, "Ilmu itu sangat penting, ia boleh mengubah nasib hidup seseorang. Kata Haslan, kejayaannya hari ini merupakan hadiah untuk ibu tersayang. "Apalah sangat segulung ijazah berbanding kegembiraan seorang ibu melihat kejayaan anaknya," jelas Haslan yang sememangnya rapat dengan ibunya.

Kata-kata terakhir beliau, "Pertama sekali suka dan cinta pada apa yang anda belajar, kedua ikhlaskan hati dengan apa jua bidang yang kita pilih. Kejayaan tidak akan kita rasa tanpa ada usaha. *Bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian, Insya-Allah*"



Kenangan Haslan bersama rakan-rakan di UMT.

# Kembara Darul Makmur

*Ukhuwah Terjalin  
Cinta Tersemai Tanpa Nokhtah*



*Sesi bergambar para peserta dan semua keluarga angkat yang menayakan program Kembara Darul Makmur.*

**B**aru-baru ini Kelab Sekretariat Anak Johor (SOHOR), Universiti Malaysia Terengganu telah mengadakan Program Kembara Darul Makmur selama tiga hari dua malam di FELDA Jengka 24, Pahang. Program ini telah berjalan dengan jayanya dan

disertai peserta seramai 72 orang yang bukan sahaja terdiri daripada anak jati Johor tetapi juga mereka berasal dari negeri lain seperti Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor. Inisiatif kendalian Sharuddin Ismail selaku Pengarah Program Kembara Darul Makmur, menyaksikan setiap peserta

melakar kenangan bersama-sama masyarakat setempat dan juga keluarga angkat yang juga penduduk FELDA berkenaan.

Program ini merupakan program penjanaaan semula daripada Program Kembara Darul Takzim. Konsep yang dibawa melalui program ini ialah konsep



anak angkat, di mana mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menjalani kehidupan di kawasan FELDA selama tiga hari dua malam dan merasai sendiri pengalaman bagaimana masyarakat FELDA dalam menjalani kehidupan seharian.

Kelainan yang dibawa daripada program ini ialah di mana ini merupakan program pertama yang dijalankan di luar kawasan Johor. Matlamat utama

Sekretariat Anak Johor (SOHOR) menjalankan program seumpama ini adalah untuk merasai budaya dan gaya hidup masyarakat FELDA serta berkongsi ilmu dengan pelajar sekolah. Matlamat sampingan yang diselitkan di dalam program ini ialah untuk memberi pendedahan kepada ahli-ahli sekretariat yang baharu dan peserta luar mengenai program-program kemasyarakatan yang sering dianjurkan oleh kelab SOHOR.

Selain itu, pelbagai aktiviti merangkumi kluster sosial, pendidikan dan kerohanian dijalankan seperti latihan dalam kumpulan bersama-sama pelajar sekolah, gotong-royong, majlis tahlil, riadah bersama penduduk FELDA Jengka 24 serta program 'We Care We Love'. Peserta bukan sahaja memberikan maklum balas amat baik, bahkan gembira menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman baharu melalui program ini.



Para peserta menjalankan aktiviti riadah bersama penduduk FELDA Jengka 24.



Slot Latihan Dalam Kumpulan (LDK) bersama pelajar SMK Jengka 24.

# Rahsia Kejayaan Atlet *Rowing* UMT

oleh: Nur Afiqah Zamia Sumeri

**A**lhamdulillah, kejayaan saya dalam sukan air *rowing* ini amat memberangsangkan setelah berhempas pulas selama empat tahun. Untuk berada di tahap ini, saya banyak mengorbankan masa, wang ringgit dan pelajaran. Menjadi seorang pelajar-atlet bukanlah mudah. Tapi kerana minat dan azam, saya tabahkan diri untuk mencapai kejayaan dalam sukan ini. Untuk sentiasa berada dalam keadaan *fit*, saya dikehendaki menjalani latihan yang secukupnya. Pada mulanya, ia agak sukar untuk saya hadapi. Di mana, saya perlu membahagikan waktu belajar dan waktu latihan. Tapi lama kelamaan saya lali dan sukan ini membuatkan saya bijak untuk membahagikan masa.

Penglibatan saya dalam sukan *rowing* ini bermula apabila *senior UMT Rowing Team (Alligator Rowing Team)* melihat kebolehan saya menghadapi segala latihan yang diberikan. Setelah mempamerkan peningkatan dalam sukan ini, saya mula menyertai Terengganu *Rowing Team* untuk menyertai SUKMA 2015 sekali

gus, melayakkan saya untuk menyertai pasukan PKS-Malaysia pada tahun itu. Bagi saya, jurulatih, pengurus sukan dan rakan sepasukan (*UMT Rowing Team & Terengganu Rowing Team*) merupakan orang kuat dan tulang belakang saya untuk berjaya sehingga ke tahap ini. Siapalah saya tanpa mereka. Ibu bapa saya juga tidak putus memberikan semangat dan doa sepanjang penglibatan saya dalam sukan ini. Keluarga tidak menghalang saya menceburi sukan air ini memandangkan mereka tahu saya aktif sejak di bangku sekolah lagi.

## Tiada istilah putus asa

Bagi saya, tiada sebarang rahsia untuk saya berjaya dalam sukan air *rowing* ini. Saya sentiasa terapkan diri dengan sikap tidak mengenali erti putus asa dan sentiasa dahagakan kemenangan. Dalam setiap pertandingan, saya sentiasa berusaha untuk mendapat keputusan yang terbaik dan memperbaiki kesilapan sebelum ini untuk sentiasa menjadi yang terbaik. Setiap kejayaan yang dikecapi, membuatkan saya

rasa bersyukur dan belajar untuk memperbaiki kesilapan dalam setiap pertandingan yang disertai. Ibu saya juga selalu berpesan untuk sentiasa merendah diri dan mensyukuri segala nikmat kejayaan yang dicapai.

Pencapaian saya dan Eleonie dalam Varsity Boat Race 2016 (menang emas dalam kategori LW2x) membolehkan kami layak untuk menyertai skuad Malaysia dalam pertandingan SEARF 2016 di Hai Phong, Vietnam. Pertamanya, kami agak khuatir kerana cuacanya yang sedikit berlainan dari Malaysia dan kekurangan kami dalam persiapan untuk menyertai pertandingan ini. Atas semangat dan kepercayaan jurulatih, alhamdulillah kami memperoleh pingat gangsa di sana. Keserasian saya dan Eleonie merupakan salah satu punca kejayaan kami. Eleonie merupakan senior saya dan kami mula digandingkan semenjak tahun 2015. Latihan bersama yang berterusan selama setahun lebih ini akhirnya membuahkan hasil.

Sikap tolong-menolong dan saling melengkapi membolehkan kami mendapat keserasian di

dalam bot dan sekali gus, memperoleh kejayaan dalam setiap pertandingan. SEARF 2016 bukan satu pertandingan yang mudah bagi kami. Kerana terdapat ramai atlet peringkat antarabangsa dan sukan SEA dari seluruh Asia ini. Pertandingan SEARF ini menjadi salah satu platform untuk kami mengetahui kebolehan kami di luar negara dan *ranking* kami di Asia. Pertandingan ini sedikit sebanyak memberikan kami pengalaman dan membolehkan kami membuat perbandingan kebolehan kami dan atlet luar. Sememangnya masih banyak yang perlu dipelajari dan diperbaiki untuk mendapat keputusan yang lebih baik.

Kami juga ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada jurulatih, pengurus, pusat sukan UMT, dan pihak UMT sendiri kerana sentiasa menyokong sukan ini. Kami harap dengan kejayaan kami memberi inspirasi kepada semua pelajar untuk sentiasa berusaha dalam apa juga bidang yang diceburi.



**Nama:** *Eleonie Rikan Marten*  
**Tarikh Lahir:** 25 Oktober 1993  
**Program:** Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Lepas Tuai)  
**Tempat Lahir:** Sarawak  
**Kata-kata semangat:** No pain, no gain.  
 Champions believes in themselves when no one else does.

**Nama:** *Nur Afiqah Zamia Sumeri*  
**Tarikh Lahir:** 3 Disember 1994  
**Program:** Sarjana Muda Perakaunan  
**Tempat Lahir:** Batu Pahat, Johor  
**Kata-kata semangat:** Dont give up just because of what someone said. Use that as motivation to push harder!



*Kerjasama rakan sepasukan penting untuk mengejar kejayaan dalam bidang sukan.*



# Battle of The Baskers

## Cungkil Bakat Seni Mahasiswa UMT

oleh: Fatin Nadzirah

Pada penghujung tahun 2016, Majlis Kolej Siswa (MKS) dan Felo Kolej Siswa (FKS) Universiti Malaysia Terengganu telah menganjurkan Program *Battle of The Baskers*. Program ini merupakan sub-program bagi program *English Month* yang telah diadakan selama sebulan. *Battle of The Baskers* merupakan sebuah program yang mencungkil bakat mahasiswa dan mahasiswi UMT dalam bidang nyanyian dan juga bermain alat muzik. Program ini diadakan di Kafeteria Abdul Rahman Limbong (KARL), berdurasi selama 2 jam 30 minit ini telah mendapat sambutan hangat daripada mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Malaysia Terengganu. Bukan itu sahaja, malah

Profesor Madya Dr. Rohani Md. Yousoff, selaku Pengarah Pusat Kebudayaan Dan Kesenian (PKK), Universiti Malaysia Terengganu telah dijemput sebagai tetamu jemputan pada malam tersebut. Program yang bermula pada jam 9.00 malam ini telah memberi input yang berguna kepada para peserta seperti, pengalaman menyanyi di hadapan khalayak ramai walaupun tidak mempunyai bakat menyanyi dan bermain alat muzik pada sebelum ini. Seramai 35 orang pelajar yang terdiri daripada enam kumpulan bebas. Antaranya adalah *The Strangers*, *Kamilia & CO*, *Shanchez*, *Seven*, *Happy Go Lucky* dan *Voice of Harmony (VOH)*. Keseluruhan peserta yang menyertai pertandingan ini adalah merupakan mahasiswa Tahun 1 UMT.

Johan *Battle of The Baskers* dimenangi oleh kumpulan *Kamilia & CO*, manakala naib johan pula dimenangi oleh *The Strangers* dan diikuti oleh *Voice of Harmony (VOH)*. Atas penghargaan kepada pemenang, pihak MKS telah menjemput johan dan naib johan *Battle of The Baskers* untuk membuat persembahan pada majlis penutup program *English Month* yang dihadiri oleh Profesor Dr. Anuar Hassan iaitu mantan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Pengetua Asrama, Pengarah Pusat Kebudayaan dan staf-staf Kolej Siswa serta para peserta dari setiap program yang dijalankan dalam *English Month* ini. Program *English Month* merupakan program yang ketujuh yang telah dijalankan oleh Majlis Kolej Siswa sesi 2015/16.





# Jom Masuk Kelab!

oleh: Ahmad Arief Ahmad Azriff

**B**aru-baru ini, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan satu karnival iaitu; Jom Masuk Kelab! Karnival ini diadakan selama tiga hari iaitu bermula dari 10 sehingga 12 November 2016. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program ini berlangsung. Antaranya ialah; 'Bakat Bukan Sekadar Rupa', Malam Budaya, Perang Pantun dan macam-macam lagi. Karnival ini sebenarnya merupakan salah satu program tahunan Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Program ini sebenarnya lebih menjurus untuk memberi pendedahan pelajar Tahun Satu kepada kelab yang ada di UMT dan mendekatkan lagi mereka dengan komuniti UMT. Pengarah Program, Ahmad Syarqawi Hasbullah berkata; "Program ini memberi peluang kepada setiap pelajar Tahun Satu untuk memilih kelab ataupun badan uniform yang mereka mahukan."

Objektif program ini ialah menggalakkan setiap kelab yang ada di UMT ini mempromosikan lagi kelab mereka dan



menonjolkan ciri-ciri yang dapat membezakan kelab mereka lebih istimewa daripada kelab yang lain. Dalam program ini juga, kita dapat melihat setiap kelab bertungkus-lumus menghias khemah mereka dengan menggunakan kreativiti masing-masing. Mereka juga telah merancang aktiviti yang menarik untuk ahli kelab yang baharu mendaftar. Apabila sesebuah kelab itu mempunyai ahli yang ramai jadi

mereka mampu untuk membuat sesuatu program yang berimpak tinggi yang secara tidak langsung mampu menaikkan lagi nama UMT.

Harapan pengarah program agar program ini dapat membantu serba sedikit pelajar di UMT dari segi aspek komunikasi, kerjasama dan kreativiti. Semoga pelajar UMT terus kekal aktif dan berjaya pada masa akan datang.

# Power of Volunteers

## Halur Bantuan Tanpa Sempadan

oleh: Noor Saadiah Azizan

Hasil semangat kesukarelawan yang menebal dalam diri setiap individu maka lahirnya sebuah kelab yang diberi nama "Power of Volunteers" atau dikenali sebagai "POV" yang mula menjadi sebutan dan semakin dikenali oleh mahasiswa Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Setiap daripada penggerak kelab ini

sangat berwibawa dan semangat kesukarelawan itu tidak pernah pudar dalam diri mereka. Mereka ini terdiri daripada sukarelawan yang bergerak aktif sama ada dari dalam atau luar UMT seperti Acik dan rakan-rakannya yang lain. POV juga saling bekerjasama dengan Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia (MASKUM) untuk lebih mengenali dan turut serta dalam aktiviti kesukarelawan dengan Universiti Awam lain.

Penaung dan Penasihat kelab POV ini adalah Puan Zaizulhizma Salleh. Kini, POV mempunyai seramai 60 orang ahli yang telah dilatih dan diasah secukupnya yang berkaitan dengan kesukarelawan. Penyertaan ahli POV mestilah dengan kerelaan sendiri tanpa paksaan orang lain. Setiap ahli akan diasah dan diasuh dengan semangat kesukarelawan yang menebal bagi membolehkan mereka mereka sanggup untuk





membantu golongan yang memerlukan bantuan. Mereka ini dibentuk dan dilatih dalam TOT selama 2 hari 1 malam. TOT ini dilaksanakan dalam UMT sendiri yang mempunyai aktiviti “indoor” dan “outdoor”. Aktiviti *indoor* dilaksanakan dalam Dewan Al-Irfan, manakala bagi aktiviti *outdoor* dilaksanakan di Dataran B1. TOT ini melibatkan semua ahli POV. Meskipun kelab ini baru sahaja ditubuhkan, namun ia telah melaksanakan dua program besar iaitu membantu golongan Gelandangan sekitar MBKT dan Pasar Payang serta yang kedua Misi Pasca Banjir di Sungai Tong dan Sungai Basong, Hulu Terengganu.

Kesan daripada penubuhan POV ini sangat luar biasa dan mempunyai kelebihannya yang tersendiri berbanding dengan kelab-kelab lain yang lama bertapak dalam UMT. Antara kesan daripada penubuhan POV sendiri adalah dapat mencungkil semangat kesukarelawan dalam diri mahasiswa dan mahasiswi yang terpendam. Apabila semangat ini dapat dicungkil mereka ini lebih bersedia ke hadapan untuk membantu mereka yang lebih memerlukan. Selain itu, apabila POV ini ditubuhkan maka terbentuklah ahli-ahli yang mempunyai matlamat sama iaitu melibatkan diri dengan kesukarelawan. Apabila pasukan kesukarelawan ditubuhkan

keadaan ini memudahkan mereka untuk bergerak seiring. Kami juga akan membantu sesiapa sahaja yang memerlukan. Kelebihan dalam penubuhan ini tidak akan memberi kesan negatif melainkan kesan positif. Kelebihan POV ini bukan saja memberi kesan positif terhadap mereka yang memerlukan bantuan malahan memberi kebaikan kepada ahli sukarelawan ini sendiri. Mereka dapat membina hubungan yang baik antara ahli POV meskipun mereka datang dari latar belakang yang berbeza dan kos berbeza. Di samping itu, mereka juga dapat mendekati masyarakat dengan lebih dekat dan dapat memahami masyarakat sekeliling dengan masalah yang dihadapi.

# Kelab Penyayang UMT

## Pupuk Sikap Prihatin

oleh: Kelab Penyayang

**K**elab Penyayang Universiti Malaysia Terengganu (KPUMT) ditubuhkan melalui inisiatif Yayasan Budi Penyayang Malaysia yang telah diasaskan oleh Almarhum YBhg. Tun Endon Mahmood pada tahun 2005. Visi Kelab Penyayang UMT adalah untuk melahirkan mahasiswa yang bersikap prihatin dan belas kasihan terhadap golongan yang kurang bernasib baik dengan menyerapkan sifat kesukarelawan. KPUMT di bawah bimbingan Tn. Hj. Mohamad Rafee Jusoh dan Tn. Hj. Mohd Zulkifli Abdul Aziz selaku penasihat dengan keahlian seramai 1000 ahli yang berdaftar semasa Karnival Kelab UMT.

KPUMT merupakan kelab amal yang menjalankan aktiviti kebajikan yang merangkumi aspek kesukarelaan, kepimpinan, khidmat masyarakat dan bertanggungjawab dalam menganjurkan program. Antara program/ aktiviti yang telah dilaksanakan oleh kelab ini adalah seperti *Adventure To Village* (program anak angkat), Kasih Pewanis (program ibu-ibu tunggal), program bersama golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), *Fitness @ Bukit Kluang* bersama mahasiswa dan sebagainya. Terdapat juga beberapa program yang telah dijalankan secara terus menerus



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU 

setiap tahun seperti Program di Perkampungan Orang Asli, Program Kembara Bakti Siswa dengan berbakti bersama komuniti sekitar Kuala Terengganu dan program *Young Leadership* (kem kepimpinan) bersama majlis tertinggi, exco serta sekretariat Kelab Penyayang.



KPUMT telah berjaya menjalankan lima misi kemanusiaan ke luar negara bersama NGO di perkampungan Islam dan fakir miskin di Vietnam dan Kemboja. Misi kemanusiaan ini dijalankan adalah bertujuan membantu golongan yang tidak bernasib baik dinegara tesebut dengan memberi bantuan dari segi kewangan, perubatan, pendidikan, dan keperluan asas mereka. Setiap program dan aktiviti yang telah dianjurkan oleh kelab kami telah mendapat ramai penyertaan daripada kalangan mahasiswa, sokongan dari pihak universiti, komuniti luar dan juga telah disambut baik oleh komuniti di

mana, kami menjalankan program atau aktiviti. Penglibatan langsung mahasiswa dalam aktiviti yang difokuskan dalam kelab sekurang-kurangnya berjaya mencungkil semangat kepimpinan, mahasiswa yang mempunyai jati diri, tahu menghargai orang lain dan sedia berkhidmat.

Antara program yang bakal dijalankan pada sesi kepimpinan 2016/2017 adalah Bengkel Protokol bagi berkongsi idea serta etika dalam menganjurkan program formal dan tidak formal, Kembara Bakti Penyayang bersama golongan penagih dadah di Pondok Inabah II, merasai pengalaman berada di penjara

di dalam program Tautan Kasih Penyayang di Muzium Penjara Malaysia serta bersama golongan emas warga Rumah Kenangan Melaka, berkhidmat bersama komuniti orang asli di Kg. Landap Perak, dan bersenam bersama anak-anak istimewa 'syndrome down' dari Persatuan Syndrome Down Negeri Terengganu.

KPUMT juga telah memenangi dua kategori dalam Anugerah Ikon Siswa 2016 iaitu Kategori Kesukarelawan (Program Kesukarelawan Terbaik) dan Anugerah Emas (Program Inovasi Terbaik). Selain daripada itu, KPUMT telah menyertai pertandingan Piala Sukarelawan Menteri Pengajian Tinggi 2016 anjuran Yayasan Budi Penyayang Malaysia dan telah dinobatkan sebagai enam finalis akhir daripada 24 Kelab Penyayang dari Universiti Awam dan Swasta. Kami memilih Asrama Anak Yatim Fakir Miskin Darul Akhyar bagi memenuhi syarat pertandingan Piala Sukarelawan Menteri Pengajian Tinggi 2016 dengan menjalankan projek mini perpustakaan dengan mengecat semula, membeli meja kerusi, buku-buku rujukan dan mengatur semula kelengkapan untuk keselesaan penghuni dengan menggunakan wang kemenangan sebanyak RM5000.00.



# Kelab Pembimbing Rakan Siswa UMT Bentuk Kesejahteraan Emosi dan Mental Pelajar

oleh: Nabila Huda Mohd Zulkamal  
Wan Nor Ahmad Syaifuddin Wan Norazmi

**K**elab Pembimbing Rakan Siswa Universiti Malaysia Terengganu telah ditubuhkan pada tahun 2007 oleh Pn. Hainany Idayu Yazid. Beliau ialah Pegawai Psikologi Kanan di Universiti Malaysia Terengganu dan merupakan penasihat Kelab PRS UMT sehingga kini. Kelab ini merupakan sebuah kelab yang bernaung di bawah Seksyen Kaunseling Pusat Pembangunan Holistik dan Kaunseling Pelajar (PPHKP). Barisan Pimpinan PRS terdiri daripada seramai enam orang Majlis Tertinggi, 16 orang Majlis Exco dan 47 orang Sekretariat. PRS UMT sangat mengalu-alukan khidmat dan pertolongan bagi membantu kami menjadi lebih berdaya saing dan menjadi tunjang serta pemangkin motivasi yang gemilang kepada seluruh keluarga besar UMT. Pepatah Melayu; "*Bersatu Teguh Berceraai Roboh*" menjadi akar buat kami bagi membuka peluang untuk menerima siapapun untuk bergiat aktif dalam keluarga PRS UMT. PRS UMT berperanan sebagai khidmat sokongan/perantara kepada kaunselor di UMT dalam membantu menggerakkan



*Anugerah Penasihat Kelab Terbaik, Anugerah Ikon Siswa (AIS) 2016 Kategori Anugerah Emas (Jasa Bakti).*

perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Program-program yang dijalankan oleh kelab PRS menjurus kepada program yang membantu membentuk kesejahteraan emosi, mental dan sosial pelajar khususnya kepada ahli PRS itu sendiri dan kepada seluruh pelajar UMT dan masyarakat amnya, sesuai dengan moto PRS iaitu; "*Bantu Diri dan Bantu Orang Lain*".

Kebanyakan program Kelab PRS lebih menjurus kepada program motivasi, kepimpinan, bakti siswa dan sukarelawan.

Antara program yang dijalankan oleh Kelab PRS UMT ialah *My PRS Day*, Kerana Akhirnya Aku Seorang PRS (K.A.A.S), Kursus Kepimpinan S.K Tok Jembal, Sebarkan Bahagia Di Darul Akhyar, Sentuhan Kasih D' Kelantan, Mahal Hagnaya D'Philippines (MAHAP), Seerat Intelek D'Vietnam (SIV), Lebarkan Sayap D'Selatan (LESAS), *Training of Trainers PRS (T.O.T)*, Program Talk: Ketinggian Ilmu Bukan Pada Pointer, Kaunselor Bersama Anda, *Young Motivator*, Suratku Buatmu dan lain-lain. Kelab PRS UMT juga sering menerima lawatan dari IPT luar selain menerima jemputan untuk program motivasi kepada pelajar sekolah di sekitar negeri Terengganu. Antara IPT yang pernah datang membuat lawatan ke sini adalah Politeknik Nilai, University College Sedaya Internasional Terengganu, UiTM Johor (Kampus Segamat), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Universiti Sains Malaysia (USM). PRS UMT juga pernah menerima jemputan untuk program motivasi kepada pelajar sekolah antaranya ialah Sekolah

Kebangsaan Seri Perdana, Sekolah Menengah Teknik Kuala Terengganu dan Sekolah Kebangsaan Tok Jembal. Pada setiap tahun PRS UMT akan membuat lawatan muhibah ke IPT- IPT di seluruh negara dan antara yang telah kami lawati adalah Universiti Utara Malaysia, UniMAP, Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia.

Program ini adalah bertujuan untuk menghubungkan silaturahim bersama PRS di seluruh Malaysia selain ingin bertukar-tukar idea dan pendapat agar aktiviti dan program yang akan dijalankan lebih segar dan menarik. Keistimewaan kelab PRS adalah kami mempunyai exco khas iaitu Exco Pembangunan Insan dan Latihan bagi melatih seluruh pimpinan dan ahli PRS untuk menjadi seorang fasilitator dan jurulatih. Selain itu, salah satu program tahunan PRS adalah Program U-MAC. U-MAC merupakan sebuah program berbentuk pertandingan yang bertujuan untuk mencari dan melahirkan pelapis-pelapis motivator muda dan ikon belia. Program ini terbuka kepada seluruh pelajar UMT dan pemenang bagi program ini akan dihantar menjadi wakil universiti ke Program I-MAC iaitu sebuah program kebangsaan yang melibatkan seluruh IPT di Malaysia di bawah anjuran Majlis Kaunseling dan Kerjaya

Universiti Malaysia (MAKUMA). Dari sudut pencapaian kelab PRS UMT telah berjaya melaksanakan dua program antarabangsa iaitu program Misi Kemanusiaan Seerat Intelek D'Vietnam (SIV) di perkampungan Niakmah wilayah Tay Ninh, Vietnam pada tahun 2015 dengan dana yang terkumpul sebanyak RM120,000.00 dan Mahal Hagnaya D'Philippines (MAHAP) di Barangay Punta, San Remigio, Hagnaya, Cebu, Filipina pada tahun 2016 dengan dana terkumpul sebanyak RM150,000.00. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program misi bantuan sukarelawan di peringkat antarabangsa ini adalah memberi sumbangan barang-barang keperluan asas, makanan, pakaian, membaik pulih surau dan masjid, sukareka bagi kanak-kanak, bantuan ubat-ubatan, sesi "*Sharing About Islam*", perkongsian ilmu mengenai kebersihan dan penjagaan diri dan banyak lagi. Program MAHAP ini telah mendapat liputan TV3 yang ditayangkan pada hari raya kedua aidilfitri bagi slot Misi K. Program MAHAP ini sangat memberi impak yang positif dan para sukarelawan yang terlibat sangatlah terkesan setelah pelbagai rintangan dan cabaran yang dihadapi mereka sepanjang menjayakan misi ini. Pahit dan manis yang dilalui pastinya menjadi memori yang indah untuk dikenang bagi semua

individu yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Alhamdulillah impak dari program ini, tiga orang telah memeluk Islam dan dua daripadanya adalah pasangan suami isteri.

Selain itu, penasihat kelab juga telah berjaya mendapat Anugerah Penasihat Kelab Terbaik bagi Anugerah Ikon Siswa (AIS) 2016 bagi kategori Anugerah Emas (Jasa Bakti). Kelab Pembimbing Rakan Siswa UMT (PRS UMT) juga telah dinobatkan sebagai pemenang bagi kategori Aktiviti Tahunan Terbaik dan Pemenang Keseluruhan ketika Karnival Jom Masuk Kelab UMT yang telah berlangsung pada 10 hingga 12 November 2016. Alhamdulillah, semua kejayaan ini adalah berkat usaha dan kesungguhan legasi pimpinan terdahulu yang telah berjaya memberikan ruang dan jalan buat kami yang memegang tampuk pimpinan kini untuk terus berdaya saing dan menyebarkan aura positif kepada seluruh warga UMT, komuniti di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa. Semoga Kelab Pembimbing Rakan Siswa UMT terus giat menebar kebaikan dan melakar kejayaan demi kelestarian pembangunan modal insan yang seimbang dunia dan akhirat. Insyaa-Allah.

***UMT hebat seluruh benua,  
Namanya megah tidak terperi;  
Salam cinta untuk semua,  
Dari kami PRS UMT.***

# Platform Mantapkan *Kemahiran Komunikasi bersama* DeMI

oleh: Amalina Sapiren

**K**elab Debat Mahasiswa Intelektual (DeMI) merupakan sebuah kelab yang tidak asing lagi di Universiti Malaysia Terengganu. Menfokuskan kepada aktiviti forum, pengucapan awam dan perdebatan, kelab ini membantu mahasiswa untuk berkomunikasi dengan lebih baik selain meningkatkan kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa. Debat merupakan kemahiran berkomunikasi yang perlu ada pada segenap lapisan masyarakat daripada yang berada di bangku sekolah hinggalah yang berjawatan tinggi. Debat

menggabungkan fahaman sesuatu isu berserta penaklukan mantik yang baik dan akhirnya akan memperlihatkan kematangan seseorang individu untuk berhadapan dengan pelbagai perkara seperti masalah dalam perancangan organisasi.

Sesuai dengan slogan kelab ini iaitu 'Pembudayaan Debat Perintis Mahasiswa Berintelektual', pelbagai aktiviti dirangka dan dilaksanakan oleh kelab ini bagi menarik minat mahasiswa untuk turut serta dalam segala aktiviti yang dianjurkan oleh kelab ini. Selain menyertai pertandingan-pertandingan debat di bawah

anjaran Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM), kelab ini aktif untuk mengadakan perlawanan debat persahabatan dengan kelab debat universiti awam lain kerana kelab ini yakin dan percaya kerjasama antara universiti merupakan asas penting dalam memperkayakan seni perdebatan dan perkongsian ilmu tanpa sempadan. Berbekalkan hubungan baik dan penerimaan universiti lain, program seperti ini mampu untuk membantu memperkayakan sumber rujukan ilmu dan perkembangan debat dalam kalangan pendebat universiti serta menjadi batu loncatan kepada kelab Debat Mahasiswa Intelektual mengaut ilmu dan pengalaman daripada universiti luar. Kelab ini tidak ketinggalan menyertai pelbagai pertandingan debat anjaran Majlis Debat Universiti Malaysia termasuklah Debat Alam Sekitar, Debat Perdana Gender, Debat Diraja dan sebagainya. Kelab ini turut menghantar wakil dalam pertandingan debat anjaran universiti-universiti terkemuka seperti pertandingan Debat Terbuka ASTAR anjaran Universiti







Malaya dan Debat Belia anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tahun 2015 merupakan tahun yang sarat dan padat dengan aktiviti dalam dan luar kampus bagi kelab ini. Beberapa program debat persahabatan telah dilaksanakan antara kelab DeMI dengan kelab debat universiti lain antaranya Program Tautan Ilmiah: Debat Persahabatan UMT - UPSI, Program Mentor dan Bengkel Debat dan Program Santai Presiden 2015. Program ini merupakan perkongsian dua hala yang diimplementasikan dalam bentuk forum santai. Ahli-ahli panel yang dijemput terdiri daripada pemimpin badan tertinggi mahasiswa dan presiden kelab UMT. Pengalaman, kuasa dan pengaruh yang dimiliki oleh ahli panel yang dijemput ketika itu telah pun menarik perhatian mahasiswa untuk mengambil bahagian dalam perkongsian ilmiah ini. Kelab ini juga turut meneruskan program

tradisi kelab sejak tahun 2004 iaitu Pertandingan Debat Naib Canselor (PNC). Menariknya tentang PNC ini, pesertanya adalah terdiri daripada wakil-wakil kelab daripada pusat pengajian yang dikumpul dan disatukan dalam pentas yang sama untuk berdebat berkenaan isu-isu semasa. Namun, penyertaan PNC sejak tiga tahun kebelakangan ini kurang memberangsangkan dan hal ini menunjukkan mahasiswa semakin tidak berminat dengan ilmu perdebatan sedangkan kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Pengajian Tinggi meletakkan perkara ini sebagai modul utama dalam setiap pengajaran atau lebih dikenali sebagai kemahiran insaniah. Oleh itu, pelbagai program-program yang lebih menarik dirangka oleh kelab ini bagi menarik semula minat mahasiswa terhadap aktiviti forum, pengucapan awam dan perdebatan.

Sepanjang tahun 2016 pula, kelab DeMI banyak mengadakan program usahasama dengan kelab-kelab lain dalam menjayakan sesuatu program supaya impak terhadap mahasiswa adalah lebih besar. Program 'Spell-it-right' juga merupakan satu usaha program usahasama yang dilaksanakan antara kelab dengan pihak sekolah yang cukup memberi pengalaman baru kepada ahli-ahli kelab ini. Pada tahun 2017, kelab ini mengorak langkah kedepan apabila berusaha untuk menganjurkan sebuah program peringkat antarabangsa yang mungkin tidak pernah dilaksanakan oleh mana-mana kelab debat di Universiti Awam lain iaitu Misi Kemanusiaan di Filipina. Program ini dikenali sebagai *DeMI Mu Philippines* yang dijangka akan dilaksanakan pada 27 April hingga 4 Mei 2017. Program ini dijalankan bagi membantu minoriti masyarakat Islam di Filipina serta menyelami kehidupan masyarakat di negara tersebut. Berbekalkan semangat yang kuat untuk melaksanakan misi ini, diharap segala usaha dan persiapan 6 bulan awal mampu menjadikan misi ini suatu realiti. Sudah tiba masanya Kelab Debat Mahasiswa Intelktual menjadi sebuah kelab yang berprestij dan mampu bersaing dengan kelab-kelab lain di peringkat universiti dalam dan luar negara.

# Pasukan Woodball Banggakan UMT

oleh: Anis Athirah Mohd Aziz



Pasukan UMT bersama DYTMs Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra dan DYTMs Raja Puan Muda Perlis Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

**K**ejohanan Woodball Terbuka Unimap 2016 berlangsung di Padang Woodball Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Perlawanan selama

4 hari menyumbang pencapaian yang amat membanggakan untuk seluruh warga Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Sekaligus mengharumkan arena sukan UMT dalam sukan Woodball.

Terdapat dua kategori yang

dipertandingkan iaitu kategori Universiti Awam (UA) dan kategori terbuka. Kontinjen UMT telah berjaya peroleh empat pingat dalam kategori UA iaitu acara berpasukan wanita UA (perak), perseorangan wanita UA (gangsa),



*Peserta Kejohanan Woodball merakam kenangan bersama Penaung Diraja Persatuan Woodball Perlis, DYTM Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra dan DYTM Raja Puan Muda Perlis Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil.*

berpasukan lelaki UA (gangsa) dan perseorangan lelaki UA (perak). Manakala, dua pingat dalam kategori terbuka iaitu berpasukan wanita (perak) dan perseorangan lelaki (perak).

Kejohanan ini disertai oleh UniMAP sebagai wakil tuan rumah,

Majlis Perbandaran Kangar (MPK), Pejabat Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis (tralis), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs). Selain itu, kejohanan ini turut menyaksikan penyertaan luar negeri Perlis, seperti Universiti Malaysia

Terengganu (UMT), Sultan Haji Ahmad Shah Kolej Vokasional Lipis, Universiti Teknologi Mara (UITM) Perlis, pasukan persendirian dan individu.

Majlis penutup dirasmikan oleh Naib Canselor UniMAP, Dato' Prof Dr. Zul Azhar Zahid Jamal di Auditorium Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, UniMAP (PTSFP). Majlis turut dihadiri oleh Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra yang merupakan Penaung Diraja Persatuan Woodball Perlis dan Raja Puan Muda Perlis Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil untuk menyampaikan hadiah kepada pemenang.



KATA-KATA HIKMAH

# Informasi

*Hidup ini satu persinggahan  
Semuanya telah ditentukan Tuhan  
Bantulah mereka yang memerlukan  
Tenang hidup dalam keberkatan*

(YH Dato' Prof. Madya Dr. Noraien Mansor, 22 Januari 2017)